

PM lancar kenderaan guna teknologi air ganti minyak

Oleh ROHAN I IBRAHIM
dan SUNARTI KIBAT

JOHOR BAHRU 15 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melancarkan dua model kenderaan utiliti lasak (SUV) jenis LMG menggunakan teknologi hydroxene yang membolehkan petrol dikurangkan sebanyak 50 peratus dengan penggunaan air.

Teknologi ciptaan saintis tempatan itu yang mengambil masa enam tahun untuk dibangunkan juga boleh diguna pakai pada kenderaan lain selain LMG, hanya dengan mengubahsuai dan menambah sebuah tangki air selain tangki petrol sedia ada

Penghasilan teknologi tersebut selaras usaha kerajaan untuk mengurangkan pergantungan ke atas minyak sebagai sumber tenaga

ABDULLAH
AHMAD
BADAWI
Perdana :
Menteri

Spesifikasi kereta kuasa petrol dart air - Muka 2

- Abdullah berkata, penghasilan teknologi tersebut adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk mengurangkan pergantungan ke atas minyak sebagai sumber tenaga pada jangka masa yang panjang.

"Saya ingin melihat lebih ramai pengusaha industri automotif tem-

patan melibatkan diri dalam mencipta kenderaan yang menggunakan sumber tenaga alternatif.

"Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) kerajaan menggariskan keperluan untuk meningkatkan penggunaan sumber tenaga lain.

"Ini adalah relevan dengan har-

ga minyak mentah yang tinggi; pada masa ini dan kebimbangan pelbagai pihak mengenai kesan alam sekitar ekoran penggunaan sumber tenaga,"katanya.

Perdana Menteri menyatakan demikian semasa berucap merasmikan dua model kenderaan keluaran L.M.Star Autoworld, LMG Tourer dan LMG Trekker di sini hari ini.

Menerusi teknologi itu, syarikat berkenaan menggabungkan teknologi hydroxene ciptaan saintisnya dengan kereta Dadi buatan China.

Kata Abdullah, usaha kumpulan L.M. dalam memperkenalkan teknologi baru perm dicon-

• **Lihat muka 2**

PM lancar kenderaan guna teknologi air ganti minyak

tohi oleh syarikat pemasangan kenderaan dan pengeluar kereta tempatan dalam menyuntik idea baru bagi model kereta sendiri.

"Pengusaha automatif tempatan kini perlu berfikir di luar pasaran tempatan dan mula meneroka pasaran serantau dan

global.

"Memandangkan pasaran Malaysia agak kecil, industri automatif negara perlu meningkatkan jumlah eksport bagi menjadikannya kom[petitif dan berskala besar.

"Dalam hal ini, L.M.Star perlu menca-

pai sasarannya iaitu mengeksport sekurang-kurangnya 80 peratus daripada pengeluarannya ke pasaran luar negara," katanya.

Katanya, kerajaan sentiasa, menyokong dan menggalakkan usaha untuk berfikir ke hadapan seperti yang dilakukan oleh

L.M.Star.

"Langkah berkenaan dapat membawa manfaat selain selaras dengan matlamat kerajaan untuk membangunkan inovasi dan kreativiti sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi," kata Abdullah lagi.